

# SK Pekan Dua gembira raih tempat ketiga

**LABUAN:** Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Dua menduduki tempat ketiga Pertandingan Sepanduk Wilayah Kreatif sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan 2020 yang diadakan di Dataran Labuan, baru-baru ini.

Dengan kejayaan itu, sekolah itu membawa balik wang tunai sebanyak RM600.

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan telah disempurnakan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan Dato' Sri Haji Amir Haji Hussien.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman.

Kontinjen SK Pekan Dua dianggotai lima orang guru, 20 murid yang terdiri daripada ahli Pandu Puteri Tunas (PPT) dan Pengakap.

Guru Besar SK Pekan

Yassin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada guru penyelaras.

Cikgu Noraini Ag Besar yang berusaha gigih memastikan kontinjen SK Pekan Dua memperoleh kejayaan pada program anjuran Perbadanan Labuan itu.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pengiring iaitu Cikgu Muhammad Aris Farhan Jamaluddin, Sarinah Beddu dan Sandrah Daupin.

“Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua murid yang menyertai program tersebut sekali gus memeriahkan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2020,” katanya.

Pada majlis itu, Dato' Sri Amir menyampaikan hadiah kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Farida Abdul Rahman

# SK Pekan Dua gembira raih tempat ketiga

**LABUAN:** Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Dua menduduki tempat ketiga Pertandingan Sepanduk Wilayah Kreatif sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan 2020 yang diadakan di Dataran Labuan, baru-baru ini.

Dengan kejayaan itu, sekolah itu membawa balik wang tunai sebanyak RM600.

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan telah disempurnakan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan Dato' Sri Haji Amir Haji Hussien.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman.

Kontinjen SK Pekan Dua dianggotai lima orang guru, 20 murid yang terdiri daripada ahli Pandu Puteri Tunas (PPT) dan Pengakap.

Guru Besar SK Pekan Dua Hajah Dayang Damit@Saidah Haji Mohd

Yassin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada guru penyelaras.

Cikgu Noraini Ag Besar yang berusaha gigih memastikan kontinjen SK Pekan Dua memperoleh kejayaan pada program anjuran Perbadanan Labuan itu.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pengiring iaitu Cikgu Muhammad Aris Farhan Jamaluddin, Sarinah Beddu dan Sandrah Daupin.

“Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua murid yang menyertai program tersebut sekali gus memeriahkan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2020,” katanya.

Pada majlis itu, Dato' Sri Amir menyampaikan hadiah kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Farida Abdul Rahman yang mewakili Hajah Dayang Damit.